

14 DEC 2001

Raya-Terbuka

RUMAH TERBUKA DR MAHATHIR DI SERI PERDANA PADA RAYA PERTAMA

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan majlis rumah terbuka di kediaman rasminya, Seri Perdana di Putrajaya pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri.

Majlis rumah terbuka selama sehari itu akan diadakan dalam dua sesi iaitu dari pukul 10 pagi hingga 1 tengah hari dan dari pukul 3 petang hingga 6 petang.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, orang ramai diminta mematuhi arahan dan peraturan lalulintas serta meletak kenderaan di tempat yang disediakan bagi mengelak kesesakan dan halangan jalan raya pada hari berkenaan.

Mereka juga dinasihatkan supaya membawa payung sebagai persediaan mengelak cuaca yang panas atau menghadapi hujan.

Kecuali pada hari majlis rumah terbuka tersebut, Seri Perdana akan ditutup untuk orang ramai mulai hari ini hingga 25 Dis.

Seri Perdana akan dibuka untuk lawatan orang ramai seperti biasa dari 9 pagi hingga 5 petang pada 26 Dis ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengadakan majlis rumah terbuka di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pada hari pertama Aidilfitri mulai 1.30 tengah hari hingga 5 petang.

Sementara itu Pergerakan Wanita Umno pula akan mengadakan majlis rumah terbuka di Dewan Tun Razak di PWTC pada 22 Dis dari pukul 10 pagi hingga 2 petang.

-- LAGI

DC DC NMO